



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# “KERATAN AKHBAR KESUMA”

JUMAAT  
20 SEPTEMBER 2024



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

Akhbar	<b>Utusan Malaysia</b>
Tarikh	<b>20 September 2024</b>
Ruang	<b>Dalam Negeri</b>
Muka Surat	<b>6</b>

## Sistem keselamatan sosial perlu lebih kukuh

**PETALING JAYA:** Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh dan Pekerjaan BRICS (LEMM) menekankan keperluan mendesak untuk mewujudkan sistem keselamatan sosial yang lebih kukuh dan terangkum di seluruh dunia.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (Perkeso), Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, banyak negara sedang menghadapi gangguan ekonomi dan perubahan teknologi yang melebarkan jurang pendapatan serta mencetuskan banyak situasi pekerjaan tidak menentu terutama dalam ekonomi tidak formal dan gigi.

Oleh itu, jelasnya, penting untuk mewujudkan rangka kerja perlindungan sosial yang boleh disesuaikan serta mapan, khususnya bagi pekerja berisiko.

"Perbincangan di Sochi, Russia bukan hanya berkisar tentang dasar, tetapi juga penyelesaian konkrit yang boleh membentuk semula sistem perlindungan sosial agar lebih terangkum.

"Fokus untuk menyesuaikan semula sistem keselamatan sosial dilihat amat penting dalam ekonomi membangun, di mana jurang dalam perlindungan sering menyebabkan segmen besar penduduk tidak dilindungi," katanya dalam kenyataan.

Mesyuarat yang diadakan selama dua hari mulai 9 September lalu di Sochi menghimpunkan menteri-menteri dan wakil-wakil utama dari negara-negara BRICS iaitu Brazil, Russia, India, China, dan Afrika Selatan.

Malah, buat pertama kalinya, kehadiran negara-negara anggota baharu pasca perluasan BRICS termasuk Mesir, Iran, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Ethiopia, bertujuan bagi menangani cabaran utama dalam pasaran buruh serta perlindungan sosial.



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

Akhbar	<b>Utusan Malaysia</b>
Tarikh	<b>20 September 2024</b>
Ruang	<b>Rencana</b>
Muka Surat	<b>17</b>

# Jawatankuasa syariah penting kawal selia kewangan Islam



Oleh Shahrul Azman  
Abd. Razak & Razli Ramli

**M**ALAYSIA mencapai kejayaan besar dalam industri kewangan Islam, dengan pembubuhan Majlis Penasihat Syariah (MPS) di Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) yang memperkuatkahn kawal selia syariah di sektor kewangan. Kejayaan ini mencerminkan komitmen penuh kerajaan untuk memperkasakan kewangan Islam di peringkat domestik dan global.

Namun begitu, di peringkat kerajaan masih belum ada MPS yang khusus untuk mengawal selia tatakelola kewangan Islam bagi memastikan semua transaksi kewangan adalah patuh syariah.

Jika hendak diharapkan kepada MPS BNM dan SC, kedua-dua institusi ini hanya bertanggungjawab untuk memberi nasihat, memantau, menyelaraskan, menguatkuasi serta mengawal selia aktiviti perbankan, takaful dan pasaran modal di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan Akta Bank Negara Malaysia 2009. MPS tidak memantau aktiviti kewangan dan urusan harian yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Meskipun terdapat Majlis Pimpinan Kewangan Islam Malaysia (MLC) yang menggantikan peranan Jawatankuasa Khas Kewangan Islam yang ditubuhkan pada 2019, fungsiannya adalah terhad kepada pembangunan strategik, kerjasama antarabangsa dan meletakkan Malaysia sebagai pusat utama kewangan Islam dunia. Badan ini tidak berfungsi sebagai badan pemantau pematuhan syariah bagi urusan kewangan kerajaan.

Sayang sekali MLC tidak mengembang dan memperluaskan fungsiannya untuk melulus, memantau serta mengaudit transaksi kewangan Islam yang



PENUBUHAN Majlis Penasihat Syariah (MPS) di Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) berjaya memperkuatkahn kawal selia dan tatakelola kewangan Islam ke tahap tertinggi.

dilaksanakan oleh agensi kerajaan. Jika hendak diperluaskan fungsiinya, sudah tentu majlis ini perlu dipimpin oleh seseorang yang mempunyai minda syariah dan 'syariahprenur' berkébolehan untuk meluluskan mahupun memantau urusan kewangan kerajaan.

Tidak dapat dinafikan bahawa Kementerian Kewangan menggunakan instrumen sukuk dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) yang dilaksanakan berdasarkan kepada prinsip syariah. Namun, pelaksanaan sistem kewangan dalam kerajaan berdasarkan kepada syariah masih tidak menyeluruh. Terdapat beberapa pinjaman yang disalurkan kepada agensi dan syarikat berkaitan kerajaan masih dilaksanakan secara konvensional.

Jabatan Perakaunan Negara Malaysia (JANM) memainkan peranan penting dalam mengurus rekod dan perakaunan bagi kerajaan masih menggunakan sistem perakaunan yang berdasarkan kepada standard konvensional. Perilah kepada sistem perakaunan Islam yang mengutamakan nilai keadilan dan ketelusan berdasarkan

**“Ramai peminjam Islam mengharapkan pinjaman mereka bebas daripada riba dan unsur-unsur yang dilarang dalam agama.”**

prinsip syariah penting bagi memastikan semua transaksi serta pelaburan kerajaan dapat diaudit secara efektif dari perspektif syariah.

Walaupun Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) merupakan institusi penting dalam perlindungan sosial, ia masih menggunakan model insurans konvensional yang bertentangan dengan prinsip kewangan Islam. Model insurans konvensional sering melibatkan unsur riba dan gharar (ketidakpastian), yang dilarang dalam Islam.

Perubahan kepada model takaful bukan sahaja akan menyelaraskan Perkeso dengan kehendak syariah, tetapi juga akan meningkatkan keyakinan

masyarakat Islam terhadap program perlindungan sosial yang dilaksanakan kerajaan. Langkah ini akan memberi impak positif kepada imej Malaysia sebagai pusat kewangan Islam global.

Pinjaman kredit komuniti yang dipantau oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sering digunakan oleh golongan berpendapatan rendah, termasuk umat Islam masih tidak dilaksanakan secara syariah. Ia amat membimbangkan kerama ramai peminjam Islam mengharapkan pinjaman mereka bebas daripada riba dan unsur-unsur yang dilarang dalam agama.

Walapun menggunakan instrumen kewangan Islam, Lembaga Pembinaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) masih menggunakan instrumen Bay Bithaman Ajil (BBA), instrumen yang kontroversi yang sudah lama ditinggalkan oleh industri perbankan Islam. Masih tiada jawatankuasa syariah yang memantau semua transaksi dilaksanakan LPPSA.

Terdapat ura-ura mengenai penggubalan Akta Sewa-Beli Secara Islam yang bertujuan untuk memastikan ia patuh syariah, tetapi usah ini masih belum jelas akan direalisasikan dalam masa terdekat.

Penggubalan undang-undang ini amat diperlukan bagi melindungi pengguna Islam dan memastikan transaksi kewangan selaras dengan prinsip syariah.

## INISIATIF AGENSI KERAJAAN

Ada pandangan yang mengatakan kerajaan tidak memerlukan jawatankuasa syariah kerana agensi-agensi kerajaan boleh menubuhkan sendiri. Sebagai contoh, TEKUN Nasional (Tekun) dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) menubuhkan jawatankuasa syariah mereka tersendiri.

Namun, tiada badan atau jawatankuasa pusat di peringkat kerajaan yang meluluskan, mengawal selia, memantau serta mengaudit aktiviti jawatankuasa syariah bagi setiap agensi kerajaan dan transaksi kewangan seperti mana MPS BNM dan SC melaksanakan kawal selia terhadap Jawatankuasa syariah di institusi perbankan, takaful

dan pasaran modal agar patuh kepada prinsip syariah.

Kerajaan juga belum mempunyai pelan induk yang jelas tentang pelaksanaan sistem kewangan Islam dalam urusan kewangan harian. Pelan Induk Kewangan Islam yang sedia ada adalah hanya untuk memperkasakan sistem kewangan Islam di peringkat perbankan Islam, takaful dan pasaran modal, bukannya untuk memastikan urusan kewangan di peringkat kerajaan patuh syariah. Pelan induk ini penting untuk merangka gerak kerja yang bersesuaian bagi memastikan semua transaksi kewangan kerajaan mematuhi prinsip syariah.

## KEPERLUAN JAWATANKUASA SYARIAH PUSAT

Oleh itu, pembuatan jawatankuasa syariah di peringkat kerajaan sangat diperlukan. Jawatankuasa ini bukan sahaja akan meluluskan dan memantau semua transaksi kewangan kerajaan, tetapi juga memastikan pinjaman, pelaburan, dan perolehan mematuhi prinsip syariah.

Jawatankuasa ini juga boleh berperanan sebagai penasihat utama dalam merangka dasar kewangan Islam untuk kerajaan. Dasar yang dirangka haruslah memastikan bahawa setiap langkah kewangan yang diambil kerajaan berlandaskan prinsip keadilan ketelusan, dan aktauntabiliti seperti yang dianjurkan dalam Islam.

Penubuhan jawatankuasa syariah juga boleh memainkan peranan yang lebih besar dalam membantu Malaysia merangka strategi kewangan Islam yang lebih mapan dan inovatif. Ini termasuk memperkenalkan instrumen kewangan Islam baharu yang sesuai untuk digunakan dalam sektor kerajaan, menggalakkan pelaburan patuh syariah dalam projek infrastruktur negara dan memastikan segala aspek pengurusan perolehan, pembayaran serta pembelian kerajaan selari dengan prinsip-prinsip Islam.

DR. Shahrul Azman Abd. Razak ialah Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri.

DR. Razli Ramli ialah Ketua Strategi & Pengurusan Risiko, Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

<b>Akbar</b>	<b>Harian Metro</b>
<b>Tarikh</b>	<b>20 September 2024</b>
<b>Ruang</b>	<b>Lokal</b>
<b>Muka Surat</b>	<b>9</b>

**Harian** **Metro**

## NHCCE 2024

# Medan penyelesaian cabaran tenaga kerja di masa hadapan

Oleh Suliati Asri  
suliati@hmetro.com.my

### Kuala Lumpur

Persidangan & Pameran Modal Insan Nasional (NHCCE) 2024 yang menjadi medan perbincangan penyelesaian isu berkaitan cabaran di tempat kerja bakal membuka tirai pada 30 September dan berakhir pada 2 Oktober di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC).

Dianjurkan oleh Human Resource Development Corporation (HRD Corp), NHCCE 2024 ini dijangka menarik perhatian lebih ramai perwakilan seluruh rantau Asia Tenggara berikutan kejayaan pengajuran persidangan ini tahun lalu apabila seramai 4,000 peserta dari dalam dan luar negara.

Malah, kejayaan itu juga menjadikan persidangan menghimpunkan pengamal badal modal insan dan sumber manusia tempatan dan antarabangsa itu mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Records sebagai persidangan pembangunan modal insan terbesar di Malaysia.

Penggunaan Kecergasan Buatan (AI) dalam bidang pekerjaan kini semakin meluas dan memberikan impak yang besar dalam pelbagai industri.

Kehadiran AI di tempat kerja juga membawa perubahan yang signifikan dalam cara bekerja dan berinteraksi dengan teknologi.

Menyedari hakikat itu, tahun ini, NHCCE 2024 akan membincangkan peranan Kecerdasan Buatan (AI) di tempat kerja dan maknanya untuk masa depan kerja dan tenaga kerja.

Selain itu, persidangan ini akan melihat cara memangku cabaran dan memanfaatkan peluang daripada pertumbuhan AI untuk tenaga kerja dan bakat di rantaui ini.

Tema yang dipilih tahun ini adalah *Menginsanakan Kecerdasan Buatan (AI) Untuk Tenaga Kerja Masa Depan* bersesuaian dengan penggunaan AI yang



semakin meluas merentasi skala global dan memberi impak besar dalam memajukan pembangunan modal insan.

Bukan itu saja, platform pembelajaran yang dikusakan AI dan pembantu maya membantu memudahkan pembangunan kemahiran dan pemerolehan pengetahuan untuk pekerja-

ja. Ini sekali gus membolehkan pekerja menyesuaikan diri dengan keperluan pekerjaan yang berkembang dan kelak berdaya saing dalam pasaran kerja global.

Berbandaran tema dipilih, persidangan ini juga

memperbincangkan penting mengenai peranan AI di tempat kerja dan maksudnya untuk masa depan tenaga kerja.

NHCCE 2024 akan memfokuskan cara menangani cabaran dan memanfaatkan peluang pertumbuhan AI untuk tenaga kerja serta bakat di seluruh negara.

Melalui persidangan ini, perwakilan akan terabit dalam perkongsian amalan terbaik untuk kemahiran semula (reskilling) dan peningkatan kemahiran (upskilling) untuk terus mendorong revolusi AI merentas pelbagai sektor.

Bukan itu saja, menerusi persidangan ini juga, ia

dapat memupuk kerjasama antarabangsa dalam membangunkan penyelesaian AI yang melengkapkan kekuatan manusia.

Dengan itu secara tidak langsung, ia akan menyokong pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan diapcu AI yang dapat mewujudkan peluang pekerjaan di seluruh rantau ini.

Kali ini, NHCCE yang dulunya di kenali sebagai Persidangan & Pameran HRDF turut memperluaskan skopnya untuk merangkumi keseluruhan spektrum pembangunan modal insan dan perniagaan serta menetapkan peringkat untuk menentukan perbincangan seterusnya mengenai pembangunan modal insan.

NHCCE 2024 ini juga akan menyentuh lima perkara utama dalam memperkasa modal insan iaitu pernagaan dan ekonomi, teknologi, sumber manusia, tenaga kerja dan etika serta kepimpinan dan budaya.

Bagi memastikan persidangan ini mencapai objektif pengjurannya dan memberi impak terbaik menerusi tema yang dipilih, NHCCE 2024 menampilkan lebih 30 tokoh terkenam dalam bidang modal insan, pengamal sumber manusia yang berfikiran ke hadapan dan pakar dalam bidang masing-masing.

sing.

Antaranya ialah Mehdi Hasan, seorang wartawan dan pengulas politik British-Amerika yang telah memenangi pelbagai anugerah.

Beliau pernah bekerja dengan saluran berita dan penerbitan terkenama seperti The Guardian, Al Jazeera, Peacock, dan MSNBC, di mana beliau menjadi hos rancangan *The Mehdi Hasan Show*.

Selain itu, beliau juga pernah memenubuh tokoh-tokoh terkenal seperti Noam Chomsky, Alexandria Ocasio-Cortez, Bernie Sanders, serta selebriti seperti John Legend dan Mark Ruffalo.

Mehdi juga penulis buku terlaris New York Times, *Win Every Argument* dan kini mengendalikan organisasi berita sendiri, Zeteto.

Selain itu, persidangan ini akan turut membawakan John Mattone iaitu salah seorang jurulatih eksekutif terkenal dunia dan pernah bekerja dengan legenda industri termasuk Steve Jobs dari Apple dan Roger Enrico dari Pepsi.

NHCCE 2024 ini juga akan menampilkan Dr Jack J Phillips pakar yang terkenal dalam aktaabiliti, pengukuran dan penilaian serta pengarang terkenal, penceraham dan pemimpin dalam transformasi manusia, Dr Justin Cohen.

Persidangan yang berlangsung selama tiga hari itu turut disertai oleh lebih 300 pempamer terkenama yang menawarkan produk dan perkhidmatan terbaru meliputi model peningkatan kemahiran, teknologi terbaru dan platform ke-sejahteraan.

Selain itu pelbagai aktiviti turut diadakan itu antaranya Silence Conference, aktiviti interaktif, networking cocktails, padaan perniagaan dan kelas induk.

Pembelian pas masuk bagi NHCCE 2024 kini dibuka untuk pembelian di mana pas standart berharga RM3,200 dan pas kumpulan boleh didapati pada harga RM2,900 setiap seorang dengan minimum lima peserta.

Bagi penjawat awam, harga yang dikenakan adalah pada RM2,500 menerusi pas kerajaan, manakala pas pelajar berharga RM500.

Untuk paket antarabangsa pula, pas standart dijual pada harga USD 1,200 dan pas kumpulan USD 900 setiap orang dengan minimum tiga peserta.

Untuk pendaftaran dan maklumat lanjut mengenai NHCCE 2024, layari laman sesawang [www.hrdcorp.gov.my/nhcce](http://www.hrdcorp.gov.my/nhcce) atau emel [nhcce@hrdcorp.gov.my](mailto:nhcce@hrdcorp.gov.my) atau menghubungi talian **03-7661 6255**.



NHCCE 2024 ini dijangka menarik perhatian lebih ramai perwakilan seluruh rantaui Asia Tenggara.

# Pembangkang boleh kemuka draf baharu

Draf MoU peruntukan sedia ada boleh menjadi asas kepada perbincangan

## KUCHING

Pihak pembangkang boleh mengemukakan cadangan baharu atau maklum balas mengenai draf Memorandum Persefahaman (MoU) peruntukan untuk ahli Parlimen pembangkang.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Ketua Whip Kerajaan Perpaduan, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, draf sedia ada boleh menjadi asas kepada perbincangan.

Beliau turut menjelaskan sehingga hari ini, pihaknya belum lagi dihubungi pihak pembangkang bagi meneruskan perbincangan berkaitan MoU itu.

"Draf MoU sedia ada adalah asas untuk kita (meneruskan) perbincangan. Jika (pembangkang mahu MoU baharu) mereka perlu kemukakan maklum balas mereka ... tapi sebelum ini mereka ada buat kenyataan untuk menolak, bila dia tolak kita terima (pendirian mereka),"



Fadillah ketika gimik perasmian 'International Social Security Management Conference 2024' di Kuching pada Khamis.

katanya selepas menghadiri majlis perasmian 'International Social Security Management Conference 2024' di sini pada Khamis.

Pada 16 September lepas, Kerajaan Perpaduan telah mendedahkan dua draf MoU yang dirangka bersama sebagai bukti ketulusan dalam perundingan mengenai peruntukan untuk ahli Parlimen pembangkang.

Menurut Fadillah, keputusan itu dibuat susulan kenyataan Ketua

Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin bahawa Perikatan Nasional (PN) menolak cadangan MoU berkenaan.

Pada Rabu, Ketua Whip Perikatan Nasional, Datuk Seri Takiyuddin Hassan dilaporkan berkata, Kerajaan Perpaduan diminta menyediakan draf MoU baharu selain menubuhkan jawatankuasa khusus bagi membincangkan mengenai MoU antara kerajaan dan pembangkang. - Bernama